



05 APR, 2025

## PM arah bantuan kepada mangsa diselaraskan oleh MB Selangor dan Petronas

Sinar Harian, Malaysia



### PM arah bantuan kepada mangsa diselaraskan oleh MB Selangor dan Petronas

**SUBANG JAYA** - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua bantuan membaikkan kebakaran di Putra Heights diselaraskan secara langsung dengan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Petronas.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan berkata, langkah itu bagi memastikan segala gerak kerja terkait pengurusan bantuan di lapangan dapat dibuat dengan teratur.

"Segala bentuk bantuan dan usaha koordinasi terkait insiden kebakaran di Putra Heights perlu diselaraskan secara langsung dengan Menteri Besar Selangor dan pihak Petronas diketuai Presiden mewakil Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Tan Sri Tengku Muhammad Taufik Tengku Kamadjaja Aziz," kata kenyataan itu pada Jumaat.

Sementara itu, Amirudin berkata, lebih 100 unit kediaman sementara sudah disediakan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk penduduk yang terjejas.

Ujarnya, sebahagian mangsa akan ditempatkan di Kota Warisan. Sepang manakala sebahagian lagi akan ditempatkan di lokasi yang akan diumumkan kelak menggunakan skim Smart Sewa Selangor.



FOTO: BERNAMA

Mangsa, Nur Syahida Nabila Mohamad Johar (kiri) mengisi borang sebelum menerima kenderaan jenis Chery di PPS Masjid Putra Heights pada Jumaat.

"Kalau semua berjalan dengan baik, dalam seminggu dua minggu lagi mereka ini boleh ditempatkan di rumah Smart Sewa ini dan juga di Airbnb yang lokasinya akan identikkan kelak," katanya pada sidang akbar di pusat pemindahan sementara di sini pada Jumaat.

Selain itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri turut menerima lebih 200 kenderaan daripada syarikat automotif untuk digunakan sementara keluarga mangsa insiden terbabat.

Buat permulaan, katanya, sebanyak 25 buah kenderaan utiliti sukan (SUV) disalurkan syarikat Chery kepada pusat pemindahan sementara (PPS) di Masjid Putra Heights di sini

pada Jumaat untuk kegunaan mangsa terlibat selama sebulan.

"Insin ini ada tambahan 25 buah lagi kenderaan (daripada Chery) dengan kontrak pinjaman yang dipersejui," katanya.

Amirudin berkata, syarikat Carsome juga akan menyumbang sebanyak 50 buah kenderaan, selain Carro (30 buah), GoCar (20 buah) dan EON (62 buah).

Syarikat Chery turut memberi bantuan RM100 kepada setiap pemohon kenderaan untuk kos minyak, serta RM50,000 kepada pihak pengurusan Masjid Putra Heights bagi menampung kos utiliti yang ditanggung.

#### ANTARA BANTUAN YANG DITERIMA MANGSA SETAKATINI

- Bantuan awal RM5,000 diberikan kerajaan Persekutuan dan Petronas kepada pemilik rumah yang rosak sepenuhnya dan RM2,500 bagi rosak sebahagian.
- Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyalurkan bantuan tunai RM500 kepada setiap ketua keluarga Muslim yang terkesan tanpa mengira status asnaf.
- Bantuan khas RM1,000 diberikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk murid yang terjejas. Kerajaan negeri Selangor turut menyalurkan bantuan persekolahan kepada mangsa yang akan mula bersekolah Isnin ini.
- Berjaya Corporation Bhd (BCORP) akan memberi bantuan tunai RM3,000 kepada setiap keluarga yang terjejas.
- Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) menyediakan lebih 100 unit kediaman sementara untuk penduduk yang mengalami kerusakan rumah.
- Lebih 200 kenderaan disumbangkan syarikat automotif seperti Chery, Carro, Carsome, GoCar dan EON untuk kegunaan sementara mangsa.
- Prasarana Malaysia Bhd sedia enam buah van bagi keperluan pengangkutan mangsa di PPS untuk bergerak.
- Tenaga Nasional Berhad (TNB) memberi rebat 100 peratus secara one-off berdasarkan caj semasa bulan Mac.
- JPN tawar gantian dokumen pengenalan diri secara percuma, termasuk kad pengenalan dan sijil kelahiran.
- Beberapa bank juga menawarkan penangguhan bayaran ansuran bulanan sehingga enam bulan, serta tidak mengena caj atau yuran bayaran lewat bagi pempinjam yang terjejas.